

Kementerian timbang syor masukkan pemikiran Dr. Mahathir dalam kurikulum

UM 24 JUN 2003

KEMAMAN 23 Jun — Kementerian Pendidikan akan menimbang-cadangan untuk memasukkan pemikiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke dalam kurikulum di semua peringkat pendidikan kerana pemikirannya 'terlalu mahal' untuk dilepaskan begitu sahaja.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat berkata, tindakan susulan mengenainya akan diambil memandangkan cadangan itu merupakan satu syor yang mampu memberi kesan positif ke arah pembangunan pendidikan negara.

Beliau berkata, Dr. Mahathir merupakan pemimpin yang berjiwa besar, mampu menangani krisis serta seorang reformis maka pemikirannya amat sesuai dikaji dan kemudian dapat diterapkan kepada semua pelajar di negara ini.

"Pemikiran dan ilmu yang dimi-

liki oleh Dr Mahathir bagi saya harus dikongsi oleh semua pihak terutama para pelajar kerana konsep kepimpinan beliau berteras-kan nasionalisme, Islam dan reformis pemikiran minda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan projek Taman Tema Bahasa Inggeris (ETP) tajaan ExxonMobil di Pusat Kegiatan Guru Kemasik dekat sini, petang semalam.

Pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Ketua Wanita UMNO Bahagian Kangar, Azihani Ali mencadangkan pemikiran Dr. Mahathir Mohamad dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan sekolah dari peringkat sekolah rendah.

Azihani berkata, ia bertujuan supaya pemikiran Dr. Mahathir dapat dihayati oleh para pelajar.

Menurutnya, pemikiran dan pandangan Perdana Menteri itu lebih berkesan, sempurna dan

mempunyai nilai-nilai positif serta beretika tinggi untuk dihayati oleh pelajar serta rakyat negara ini.

Abdul Rafie berkata, mempelajari nilai-nilai yang terdapat pada pemimpin-pemimpin besar negara merupakan antara langkah terbaik untuk melahirkan rakyat yang lebih patriotik dan bersemangat tinggi. ✦

Setakat ini, katanya, para pelajar telah pun didedahkan dengan pelbagai fakta sejarah yang mem-babitkan pemimpin-pemimpin besar terdahulu serta perjuangan mereka untuk memerdekakan dan membangunkan negara ini.

"Dengan cara ini para pelajar dapat mengetahui sejarah yang berlaku di negara kita dan secara tidak langsung mengetahui beta-pa besarnya pengorbanan pe-mimpin-pemimpin dahulu terha-dap negara kita ini," tambahnya.